

PKR tidak akan pecat Azmin

mls 2
Sinar Harian - 9/12/2019



Anwar bercakap pada sidang akbar selepas Kongres Nasional PKR 2019 di MITC Melaka semalam.
Gambar kecil, Mohamed Azmin.

Walaupun ada perwakilan tuntut Azmin disingkirkan

MELAKA

Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali tidak akan dipecat walaupun tidak hadir pada hari terakhir Kongres Nasional PKR 2019 semalam.

Perkara itu disahkan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada sidang akhbar selepas berakhirnya kongres yang berlangsung di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini semalam.

"Perkara ini tidak membangkit. Hal ini hanya disuarakan oleh perwakilan, tidak ada pimpinan yang memberi respons setuju.

"Saya tidak ada masalah untuk berbincang tapi ma-

salah yang disuarakan kuat adalah sentimen parti mahu bersatu, tidak bertolak ansur dengan apa yang mereka anggap menyimpang daripada disiplin.

"Seperti mana saya lihat ucapan Tian Chua (Naib Presiden PKR) umpamanya, perlu lebih penjelasan. Kita kena faham sentimen itu juga bersebab. Kita fikir mereka harus dengar kita tapi mereka kata kita pun harus dengar mereka," katanya.

Terdahulu, saranan memecat Timbalan Presiden PKR itu disuarakan kebanyakan perwakilan susulan ketidakhadiran Azmin dan ahli majlis pimpinan yang menyokongnya pada hari terakhir kongres.

Ditanya adakah beliau bersedia untuk memaafkan Azmin atas tindakannya itu, Anwar yang juga merupakan Ahli Parlimen Port Dickson itu berkata, beliau sedia untuk memaafkannya.

"Saya ini pemaaf, lagi-pun itu bukan soal peribadi,

tapi saya kena dengar juga suara dan sentimennya. Tadi saya jawab, saya dengar hasrat mereka (perwakilan), jadi kena bagi ruang sikit," katanya.

Sementara itu, dalam ucapan penggulungan pada hari terakhir Kongres Nasional PKR 2019 semalam, Anwar berkata, kongres berkenaan membawa mesej jelas bahawa pimpinan harus tegas dan bertindak terhadap pemimpin serta anggota agar patuh kepada disiplin parti.

Beliau berkata, meskipun mesej itu jelas, namun masih terdapat sesetengah pihak dalam parti tidak dapat menerima jika mereka dikenakan tindakan akibat terlibat dengan salah laku dan masalah disiplin.

"Ini mesej yang kita dengar dengan jelas tetapi dengan cara dan kaedah lebih bijak. Bila pegang jawatan tinggi ada risiko, dan ini kawan-kawan kita, sebab itu saya ambil pendekatan lembut, saya tidak pernah marah," katanya.